

# Ketokohan al-Daraqutni dalam Disiplin Ilmu Hadith

Mohd Aizul bin Yaakob<sup>1</sup>, Roshimah bt Shamsudin<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>*School of Humanities, Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Penang, Malaysia*

\*Pengarang Penghubung  
roshimah@usm.my

Received: June 2020

Accepted: July 2020

Online First: December 2020

## ABSTRAK

*Ketokohan al-Daraqutni sebagai sarjana hadith kurun ke-empat hijrah tidak dapat disangkal lagi. Kehadiran karya-karya beliau antaranya seperti al-Sunan, al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah, al-Ghara'ib dan al-Du'afa' wa al-Matrukun membuktikan kewibawaannya ilmunya. Namun demikian, al-Daraqutni juga tidak terlepas daripada kritikan oleh para sarjana hadith yang lain khususnya berkaitan penguasaan beliau dalam bidang 'ilal al-hadith. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan mengkaji ketokohan al-Daraqutni dalam lapangan ilmu hadith dengan membincangkan latar belakang kehidupan beliau termasuklah kritikan yang diberikan terhadapnya. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian berbentuk kualitatif yang melibatkan pengumpulan data dijalankan melalui kajian kepustakaan. Data-data yang diperolehi akan dianalisis berdasarkan kaedah induktif dan deduktif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Daraqutni merupakan antara tokoh hadith yang memperlihatkan penguasaan ilmu hadith yang mapan dan holistik. Malah beliau juga telah menguasai kemuncak ilmu ini iaitu disiplin 'ilal al-hadith. Ini bermakna beberapa*



*kritikan terhadapnya tidak berupaya menjejaskan kredibilitinya sebagai tokoh hadith berwibawa.*

**Kata kunci:** *Al-Daraqutni, Ilmu hadith, Ketokohan, 'Ilal al-hadith.*

## **The Prominence of al-Daraqutni in the Sciences of Hadith Discipline**

### **ABSTRACT**

*There is no denying the prominence of al-Daraqutni as a hadith scholar of the 4th century Hijri. The presence of his works among others al-Sunan, al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyah, al-Ghara'ib and al-Du'afa' wa al-Matrukin are evidence enough of his credibility. In spite of the eminent recognition, al-Daraqutni was not immune from criticism by the hadith scholars in particular pertaining to his mastery over a sub-field of the sciences of hadith namely 'ilal al-hadith. In furtherence to the criticism, this article is written to study the finesse of al-Daraqutni in the discipline of hadith by studying the background of his life as well as the criticism levelled at him. In order to acheive the objectives, qualitative research was applied, involving data collection sourced from library research. The collected data were analyzed based on inductive and deductive methods which produced findings that illustrate that al-Daraqutni was undoubtedly one of the finest hadith scholars who showed impeccable and holistic mastery over the pinnacle of the sciences of hadith; that is 'ilal al-hadith. Thus it signifies that the critisism against him did not compromise his credibility as a profound hadith scholar.*

**Keywords:** *Al-Daraqutni, Sciences of hadith, Prominence, 'Ilal al-hadith.*

### **PENGENALAN**

Al-Daraqutni (m. 385 H) merupakan antara tokoh hadith yang menonjol pada kurun ke-empat Hijrah. Penguasaannya dalam pelbagai bidang ilmu diakui oleh ramai sarjana. Dalam hal ini, al-Dhahabi (m. 748 H) (1984) pernah menyifatkan beliau sebagai lautan ilmu dan merupakan antara salah

seorang Imam di dunia. Al-Azhari (m. 370 H) turut menyatakan bahawa apabila al-Daraqutni menyampaikan sesuatu ilmu dalam bidang apa jua sekalipun, pasti didapati beliau mengetahui segala-galanya (Al-Dhahabi, 1995). Antara bidang paling menonjol yang dikuasai oleh beliau adalah ilmu hadith. Perkara ini mendapat pengiktirafan para sarjana yang lain sama ada yang hidup sezaman dengannya atau selepas kematiannya.

Sehubungan itu, artikel ini akan membincangkan ketokohan al-Daraqutni dalam disiplin ilmu hadith, khususnya dalam bidang *'ilal al-hadith* di samping menjelaskan beberapa kritikan sarjana terhadap beliau dalam disiplin ilmu ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dan melibatkan pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Oleh yang demikian, karya-karya utama khususnya berkaitan biografi al-Daraqutni dan disiplin hadith dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji bagi mendapatkan data-data primer. Justeru, antara karya penting yang dirujuk berkaitan latar al-Daraqutni adalah seperti kitab *al-Ilzamat wa al-Tatabbu'* oleh al-Daraqutni (m. 385 H), *Tarikh al-Baghdad* oleh al-Khatib al-Baghdadi (m. 463 H), *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman* oleh Ibn Khallikan (m. 681 H), *Siyar 'A'lam al-Nubala'* oleh al-Dhahabi (m. 748 H), *Tabaqat al-Syafi'iyah al-Kubra* oleh al-Subki (m. 771 H), *al-Bidayah wa al-Nihayah* oleh Ibn Kathir (m. 774 H) dan beberapa lagi karya-karya yang lain. Dalam disiplin hadith pula, antara karya yang dirujuk adalah seperti *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi* dan *al-Talkhis Syarh al-Jami' al-Sahih li al-Bukhari* oleh al-Nawawi (m. 676 H), *Syarh al-Nukbah Nuzhah al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar* dan *Tabaqat al-Mudallisin Ta'rif Ahl al-Taqdis bi Maratib al-Mawsufin bi al-Tadlis* oleh Ibn Hajar (m. 852 H) dan beberapa lagi karya yang lain. Selain itu, data-data turut dikumpulkan menerusi sumber sekunder yang dihasilkan oleh beberapa penulis kontemporari, antaranya seperti *Marwiyat al-Imam al-Zuhri al-Mu'allah fi Kitab al-'Ilal li al-Daraqutni* oleh Damfu, *Manhaj al-Imam al-Daraqutni fi Naqd al-Hadith fi Kitab al-'Ilal* oleh Judah, *Manhaj al-Imam al-Daraqutni fi Kitabih al-Sunan wa Atharih fi Ikhtilaf al-Fuqaha'* oleh Kilani, *al-Imam al-Nawawi wa Atharuh fi al-Hadith wa 'Ulumih* oleh

‘Abd al-‘Aziz di samping beberapa buah karya lain. Data-data yang telah dikumpulkan dianalisis berdasarkan dua kaedah utama, iaitu induktif dan deduktif.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Latar Belakang Al-Daraqutni secara Ringkas**

Nama penuh al-Daraqutni ialah ‘Ali bin ‘Umar bin Ahmad bin Mahdi bin Mas‘ud bin al-Nu‘man bin Dinar bin ‘Abd Allah Abu al-Hasan al-Daraqutni al-Baghdadi (Al-Subki, t.t.). Beliau dilahirkan pada tanggal Zulkaedah di sebuah kawasan yang bernama Dar al-Qutn di kota Baghdad (Al-Zirikli, 2002). Berikutan itu, beliau lebih dikenali dengan *laqab* al-Daraqutni yang merupakan nisbah kepada tempat kelahirannya (Ibn Kathir, 1998). Para sejarawan bersepakat bahawa al-Daraqutni telah dilahirkan pada awal kurun yang ke-empat Hijrah. Namun begitu, mereka berselisih pandangan mengenai tahun kelahiran beliau secara tepat. Sebahagian daripada mereka berpandangan al-Daraqutni dilahirkan pada tahun 305 Hijrah, manakala sebahagian yang lain pula menyatakan pada tahun 306 Hijrah (Al-Khatib, 2001). Biarpun begitu, beberapa pengkaji kontemporari seperti Kilani (2010) dan Damfu (1999) memilih tahun 306 Hijrah sebagai tahun kelahiran al-Daraqutni kerana mengambilkira pengakuan al-Daraqutni sendiri apabila beliau didapati berkata: "...telah meninggal Abu al-‘Abbas Ahmad bin Muhammad bin Surayj al-Qadi al-Faqih pada tahun 306 Hijrah dan aku dilahirkan pada tahun tersebut" (Al-Sulami, 1988).

Pendidikan awal al-Daraqutni bermula di tempat kelahirannya sendiri iaitu kota Baghdad. Direkodkan bahawa terdapat beberapa nama tokoh ilmuan yang menjadi gurunya di kota tersebut, antaranya adalah ayahnya sendiri iaitu ‘Umar bin Ahmad bin Mahdi (Al-Khatib, 2001), Abu al-Qasim ‘Abd Allah bin Muhammad al-Baghawi (m. 317 H), Yahya bin Muhammad bin Sa‘id (m. 318 H) dan Abu Bakr bin Abi Dawud (m. 316 H) (Anonymous, 1984). Pada tahun 320 Hijrah iaitu ketika berusia empat belas tahun, beliau melangkah ke kota Basrah untuk meluaskan lagi pencarian ilmu pengetahuannya. Ketika di Basrah, beliau telah bertemu dengan beberapa sarjana seperti Muhammad bin Sulayman al-Maliki al-Basri, Ya‘qub bin Yusuf al-Khallal, Ahmad bin Muhammad al-Hizzani (m.

332 H), ‘Ali bin Ishaq (m. 334 H), Ahmad bin Muhammad al-‘Attar (Kilani, 2010), ‘Ali bin ‘Abd Allah al-Dibaji dan ramai lagi (Damfu, 1999). Di samping itu, al-Daraqutni turut melakukan *rihlah ‘ilmiyyah* ke Kufah dan bertemu dengan beberapa ilmuan seperti Abu ‘Abd Allah bin Muhammad bin al-Qasim bin Zakariya al-Kufi al-Sudani (m. 326 H) dan ‘Abd Allah bin Yahya al-Talhi (Kilani, 2010). Al-Daraqutni juga direkodkan telah pergi ke Wasit dan bertemu dengan Ahmad bin Amru bin ‘Uthman al-Mu‘addil, Ahmad bin Ahmad bin Sa‘dan al-Saydalani, Muhammad bin Mahmud bin Muhammad, al-Husayn bin Ibrahim al-Khallal (Damfu, 1999) dan ‘Ali bin ‘Abd Allah bin Mubasysyir al-Wasiti (m. 324 H) (Kilani, 2010). Beliau juga turut bermusafir ke Tabariyyah dan bertemu dengan Muhammad bin Khazar al-Tabarani (Al-Daraqutni, 1986). Ketika pergi ke Mekah untuk melaksanakan haji, beliau mengambil peluang untuk mengambil faedah daripada para ilmuan yang berada di sana, antaranya seperti al-Hasan bin al-Khadr al-Mu‘addil (Damfu, 1999). Beliau turut direkodkan pernah mengembara ke Khuzestan untuk bertemu dengan beberapa ilmuan di sana (Al-Daraqutni, 1986).

Pada tahun 357 Hijrah iaitu ketika al-Daraqutni berusia lima puluh satu tahun, beliau telah melakukan kembara ilmu ke Mesir (Anonymous, 1984). Kedatangan beliau adalah atas jemputan daripada salah seorang pembesar Mesir ketika itu iaitu Abu al-Fadl Ja‘far bin al-Fadl bin Hinzabah (m. 391 H) atau lebih dikenali dengan *kunyah* Ibn Hinzabah (Ibn Khallikan, t.t.) bagi bertujuan membantunya menghasilkan sebuah kitab *Musnad* (Ibn Kathir, 1998). Sepanjang berada di Mesir, al-Daraqutni tidak melepaskan peluang untuk bertemu dan mengambil ilmu daripada beberapa ilmuan yang tidak kurang hebatnya. Antara ilmuan tersebut adalah seperti Muhammad bin ‘Abd Allah al-Naysaburi (m. 338 H), ‘Abd Allah bin Muhammad bin al-Nasih (m. 365 H), ‘Abd al-Rahman bin Isma‘il al-‘Arudi, (Damfu, 1999) Abu Tahir al-Qadi Muhammad bin Ahmad, ‘Ali bin Ahmad bin al-Azraq, ‘Ali bin ‘Abd Allah bin al-Fadl dan ramai lagi (Kilani, 2010).

Ketokohan al-Daraqutni dalam lapangan ilmu tersebar ke serata pelosok tanah Arab. Ramai dalam kalangan pelajar datang kepadanya untuk menimba dan mendengar ilmu daripadanya. Mereka yang direkodkan pernah bertemu dengan al-Daraqutni dan mengambil ilmu daripadanya adalah terdiri daripada tokoh-tokoh yang masyhur seperti Abu Nu‘aym al-Asbahani (m. 430 H), Abu Bakr al-Barqani (m. 425 H), Abu al-Qasim bin

Bisyran, Hamzah bin Muhammad bin Tahir (m. 424 H), ‘Ubayd Allah bin Ahmad bin ‘Uthman al-Azhari (m. 435 H), al-Khallal, al-Hasan bin ‘Ali bin Muhammad bin al-Hasan bin ‘Abd Allah al-Jawhari (m. 454 H), al-Tanukhi, ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Ali al-Azaji, Abu Bakr Muhammad bin ‘Abd al-Malik bin Bisyran al-Qurasyi (m. 448 H), Abu al-Hasan al-‘Atiqi, al-Qadi Abi Tayyib al-Tabari (Al-Khatib, 2001), Abu ‘Abd Allah al-Hakim (m. 405 H), ‘Abd al-Ghani al-Azdi (m. 409 H), Tammam bin Muhammad al-Razi (m. 414 H), al-Faqih Abu Hamid al-Isfirayayn, Abu Nasr bin Jundi, Ahmad bin al-Hasan al-Tayyan, Muhammad bin al-Husayn bin Muhammad Abu ‘Abd al-Rahman al-Sulami (m. 412 H), Abu Mas‘ud al-Dimasyqi (m. 401 H), Ahmad bin Muhammad bin al-Harith al-Asbahani al-Nahwi, Abu al-Hasan bin Simsar al-Dimasyqi, Abu Hazim bin al-Farra’, Abu Nu‘man Turab bin ‘Umar al-Misri, Abu al-Ghana’im ‘Abd al-Samad bin al-Ma’mun, Abu al-Husayn bin Muhtadi bi Allah, Abu al-Husayn bin al-Abanusi Muhammad bin Ahmad bin Muhammad, Abu al-Husayn Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Hasnun al-Nursi, Hamzah bin Yusuf al-Sahmi (m. 427 H) (Al-Dhahabi, 1984).

Pada tahun 385 Hijrah iaitu ketika umur al-Daraqutni mencecah hampir lapan puluh tahun, beliau telah dijemput ke pangkuan Ilahi buat selamalamanya. Kematiannya pada tahun tersebut seolah-olah telah dirasainya. Dalam hal ini, Abu al-Husayn bin al-Fadl menceritakan bahawa al-Daraqutni telah berkata kepadanya pada hari Jumaat bulan Muharam tahun 385 Hijrah: “Wahai Abu al-Husayn, hari ini aku telah memasuki tahun di mana aku akan dipanggil oleh Allah SWT iaitu ketika usiaku menjengah lapan puluh tahun” (Al-Khatib, 2001). Ternyata perasaan dan firasat al-Daraqutni ini adalah benar. Abu al-Husayn bin al-Fadl menyatakan hampir sebelas bulan selepas daripada itu iaitu pada bulan Zulkaedah, al-Daraqutni telah menghembuskan nafasnya yang terakhir. Menurut al-‘Atiqi, al-Daraqutni telah meninggal dunia pada hari Rabu kedua, bulan Zulkaedah pada tahun 385 Hijrah (Al-Khatib, 2001). Jenazah al-Daraqutni telah diimamkan oleh al-Faqih Abu Hamid al-Isfarayini di salah satu masjid di Dar al-Qutn dan dikebumikan di perkuburan Bab al-Dayr berhampiran dengan kubur seorang ilmuan Baghdad iaitu Ma‘ruf al-Karkhi (Al-Daraqutni, 1986). Al-Khatib (2001) meriwayatkan dari Abu Nasr bin ‘Ali bahawa dia pernah bermimpi mengenai al-Daraqutni pada salah satu dari malam-malam Ramadan. Dalam mimpi tersebut beliau bertanya berkenaan keadaan al-Daraqutni di akhirat. Maka dikatakan kepadanya bahawa al-Daraqutni dipanggil dalam syurga dengan gelaran Imam.

Al-Daraqutni telah meninggalkan legasi ilmu yang sangat besar kepada umat Islam di setiap penjuru dunia. Walaupun telah meninggal dunia, karyanya tetap segar dalam simpanan para penuntut ilmu dan dijadikan rujukan dalam kajian-kajian mereka. Al-Ruhayli telah menghimpunkan sebanyak enam puluh satu buah kitab merentasi pelbagai bidang dan disiplin ilmu (Al-Ruhayli, 2000). Jumlah ini sekaligus telah membuktikan bahawa beliau adalah seorang yang sangat prolifik pada zaman tersebut. Justeru, tidak menghairankan apabila al-Subki memujinya dan menyifatkannya sebagai *sahib al-musannafat*. Antara karyanya yang masyhur adalah seperti *al-Ilzamat*, *al-Du'afa' wa al-Matrukin min al-Muhaddithin*, *al-Sunan*, *al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*, *al-Ru'yah*, *al-Fawa'id al-Muntaqah al-Ghara'ib* dan pelbagai lagi (Al-Subki, t.t.).

## **PERBINCANGAN**

### **Ketokohan Al-Daraqutni dalam Disiplin Ilmu Hadith**

Perjalanan dan pertemuan al-Daraqutni dengan para ilmuan dari pelbagai latar dan negeri telah membina karakter al-Daraqutni sebagai tokoh sarjana yang hebat. Dicatatkan bahawa beliau telah menguasai beberapa bidang ilmu, antaranya adab dan sastera Arab, fiqh, *qira'at* dan yang paling menonjol adalah disiplin ilmu hadith.

Penguasaan al-Daraqutni dalam bidang hadith diakui oleh sesiapa sahaja yang mengenalinya. Muridnya sendiri iaitu 'Abd al-Ghani memuji ketokohnya dalam bidang ini, malah beliau berkata: "Sebaik-baik perkataan tentang hadith Nabi SAW terdapat pada tiga orang iaitu 'Ali bin al-Madini pada zamannya, Musa bin Harun pada zamannya dan al-Daraqutni pada zamannya" (Ibn Khallikan, t.t.). Demikian juga muridnya yang lain iaitu Abu 'Abd al-Rahman al-Sulami (m. 412 H) berkata: "Aku bersaksi demi Allah, sesungguhnya tiada sesiapa yang boleh menandingi guru kami iaitu al-Daraqutni di atas permukaan bumi ini dalam pengetahuan terhadap hadith Nabi SAW, *athar* Sahabat, *tabi'in* dan *atba' al-tabi'in*" (Al-Dhahabi, 1984). Al-Qadi Abu al-Tayyib al-Tabari menceritakan bahawa beliau pernah menghadiri majlis ilmu al-Daraqutni yang pada ketika itu sedang membacakan hadith-hadith tentang wuduk terbatal disebabkan oleh menyentuh kemaluan. Penjelasan al-Daraqutni mengkagumkan Abu al-

Tayyib sehingga beliau berkata: “Sekiranya Ahmad bin Hanbal hadir dalam majlis ini, pasti dia akan mendapat faedah darinya” (Al-Khatib, 2001). Pada ketika yang lain Abu al-Tayyib memuji kehebatan al-Daraqutni dalam hadith dan menyifatkan beliau sebagai *amir al-mu'minin fi al-hadith* (Al-Khatib, 2001). Ibn Khallikan (m. 681 H) (t.t.) juga turut memuji kehebatannya dalam ilmu hadith dengan berkata: “...dan beliau bersendirian sebagai Imam dalam hadith pada zamannya...”. Manakala al-Subki (m. 771 H) (t.t.) pula menggelarkannya sebagai *syaykh ahl al-hadith*. Pujian serta beberapa gelaran yang dinyatakan di atas sudah memadai untuk membuktikan ketokohan al-Daraqutni dalam bidang hadith.

### **Penguasaan Al-Daraqutni dalam ‘Ilal al-Hadith**

Penguasaan al-Daraqutni dalam disiplin ilmu hadith begitu menonjol khususnya dalam cabang *‘ilal al-hadith*. Cabang ilmu ini merupakan kemuncak penguasaan seseorang sarjana hadith dalam wacana kritikan hadith. Tidak semua dalam kalangan ilmuan hadith mampu menguasai disiplin ini kerana ia memerlukan pengetahuan yang luas dan menyeluruh tentang setiap aspek sama ada berkaitan *sanad* ataupun *matan* sesuatu hadith. Sungguhpun begitu, al-Daraqutni termasuk salah seorang sarjana yang diakui kepakarannya dalam cabang disiplin ilmu ini. Buktinya, al-Khatib (m. 463 H) (2001) pernah memujinya dengan berkata: “...berakhir kepadanya ilmu *athar* dan pengetahuan tentang *‘ilal al-hadith*, nama-nama *rijal* dan keadaan-keadaan mereka...”. Begitu juga dengan al-Dhahabi (m. 748 H) (1984) yang didapati turut memujinya dengan pujian yang hampir sama iaitu: “...berakhir kepadanya *al-hifz* dan pengetahuan tentang *‘ilal al-hadith* dan perawi-perawinya”. Selain itu, Ibn Kathir (m. 774 H) (1998) dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah* turut menyifatkannya sebagai imam pada zamannya tentang *asma' al-rijal, sina'ah al-ta'lim, al-jarh wa al-ta'dil...*.

Tahap penguasaan dan kepakaran al-Daraqutni dalam disiplin ilmu ini lebih menyerlah apabila melihat kepada jawapan yang diberikan terhadap hadith-hadith *al-mu'al* yang dimuatkan dalam kitab *al-'Ilal*nya. Pada dasarnya, kitab *al-'Ilal* merupakan himpunan jawapan yang diberikan oleh al-Daraqutni daripada hadith-hadith *al-mu'al* yang diajukan oleh al-Barqani. Secara lebih spesifik, kitab ini memuatkan lebih daripada empat ribu buah hadith beserta jawapan dan penjelasan daripada al-Daraqutni mengenai setiap jalur *sanad* serta *illah* yang berlaku padanya. Menurut al-Barqani,



kesemua jawapan dan penjelasan yang diberikan oleh al-Daraqutni ini diberikan secara *imla'* melalui hafalannya (Al-Dhahabi, 1984). Berikutan itu, al-Dhahabi (1984) menzahirkan rasa kagum terhadap kemampuan al-Daraqutni ini sehingga menurut beliau, sekiranya benar kitab *al-'Ilal* ini disampaikan secara *imla'* oleh al-Daraqutni melalui hafalannya sebagaimana yang diceritakan oleh al-Barqani, maka ia sesuatu yang menakjubkan dan membuktikan bahawa al-Daraqutni adalah penghuni dunia yang paling *hafiz*. Kitab ini juga sentiasa diberikan perhatian yang serius oleh para sarjana hadith khususnya dalam memahami disiplin ilmu *'ilal al-hadith*.

Selain daripada kitab *al-'Ilal*, karyanya yang lain iaitu *Sunan al-Daraqutni* turut membuktikan penguasaan al-Daraqutni dalam disiplin *'ilal al-hadith*. Menurut Kilani (2010), penguasaan al-Daraqutni dalam disiplin *'ilal al-hadith* terpancar dalam kitab *al-'Ilal* dan *al-Sunan*. Al-Ruhayli (2000) turut berpandangan bahawa sekiranya kitab *al-Sunan* dilihat melalui kaca mata ilmu *'ilal al-hadith*, maka kitab ini hampir memiliki persamaan dengan kitab-kitab yang membicarakan tentang *'ilal al-hadith* seperti kitabnya sendiri iaitu *al-'Ilal al-Daraqutni*, *al-'Ilal Ibn al-Madini* dan *al-'Ilal Ibn Abi Hatim*.

## Kritikan Terhadap Al-Daraqutni dalam Bidang Hadith

Meskipun al-Daraqutni dikenali sebagai seorang figura yang hebat dalam bidang hadith, kajian mendapati beliau turut dikritik oleh beberapa sarjana. Antaranya adalah kritikan daripada Muhammad bin Tahir al-Maqdisi (m. 507 H) yang menyifatkan al-Daraqutni sebagai seorang *mudallis*. Kritikan ini bertitik tolak daripada penggunaan lafaz *quri'a 'ala Abi al-Qasim al-Baghawi haddathakum fulan* oleh al-Daraqutni pada hadith yang beliau tidak mendengarnya daripada al-Baghawi (Al-Maqdisi, 1998). Berasaskan kritikan ini juga, Ibn Hajar telah memasukkan nama al-Daraqutni sebagai salah seorang perawi *mudallis* dalam karyanya *Tabaqat al-Mudallisin* (Ibn Hajar, t.t.). Seorang pengkaji semasa iaitu al-Ruhayli tidak bersetuju dengan dakwaan ini berdasarkan beberapa justifikasi. Antaranya menurut beliau, tiada seorang pun dalam kalangan sarjana sama ada *muta'akhhirin* atau *mu'asirin* menyifatkan sedemikian kepada al-Daraqutni melainkan Ibn Tahir sahaja (Al-Ruhayli, 2000). Menurut al-Ruhayli (2000) lagi, berkemungkinan Ibn Tahir menyangka bahawa al-Daraqutni tidak mendengar secara langsung daripada al-Baghawi tetapi

realiti sebenarnya adalah al-Daraqutni benar-benar mendengar daripada al-Baghawi. Ini kerana al-Baghawi adalah guru beliau sendiri. Justeru, menurut al-Ruhayli (2000), boleh jadi juga al-Daraqutni mengatakan demikian kerana mengikut metode *tahdith* dengan cara *al-wijadah* tanpa sesekali memasang niat untuk mengelirukan orang ramai. Sehubungan itu, keadaan ini tidak menjadikannya sebagai seorang *mudallis* kerana syarat *tadlis* adalah bertujuan untuk mengelirukan orang ramai (Al-Ruhayli, 2000).

Di samping itu, al-A‘zami (1995) menegaskan bahawa *tadlis* yang disifatkan kepada al-Daraqutni tidak memudaratkan, atas justifikasi Ibn Hajar meletakkannya pada *tabaqah* pertama. Ini kerana perawi yang berada pada *tabaqah* ini sangat jarang disifatkan dengan *tadlis* dan sekiranya mereka melakukan *tadlis*, ia hanyalah daripada perawi *thiqat* sahaja.

Selain Ibn Tahir, al-Nawawi turut melontarkan kritikan terhadap manhaj *penta‘ilan* al-Daraqutni. Kritikan ini bermula apabila al-Daraqutni mengkritik beberapa buah hadith dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* sebagaimana yang terkandung dalam kitab *al-Tatabbu‘*. Menurut al-Nawawi (2008), kritikan al-Daraqutni terhadap hadith-hadith tersebut adalah *fasid*, terbina atas kaedah sebahagian *ahl al-hadith*, kaedah yang sangat lemah dan bercanggah dengan majoriti *ahl al-fiqh* dan *al-usul*. Pada tempat yang lain, al-Nawawi sekali lagi didapati menyatakan bahawa kritikan al-Daraqutni terbina atas kaedah yang *ma‘ruf* baginya dan kebanyakan *ahl al-hadith* iaitu apabila berlaku percanggahan antara riwayat *mawquf* dan *marfu‘*, *mursal* dan *mawsul* mereka akan *mentarjihkan* riwayat *mawquf* dan *mursal*. Ujar al-Nawawi lagi, kaedah ini adalah kaedah yang lemah dan tidak dibenarkan (*mamnu‘ah*). Kaedah yang tepat adalah sebagaimana yang dipraktikkan oleh *al-usuliyyun*, *al-fuqaha‘*, al-Bukhari, Muslim dan *muhaqqiq ahl al-hadith* iaitu dengan *mentarjihkan* riwayat *marfu‘* dan *mawsul* kerana ia termasuk dalam perbincangan *ziyadah al-thiqah* (2001).

Menurut beberapa pengkaji seperti al-Wadi‘i (Al-Daraqutni, 1985), ‘Abd al-‘Aziz (1988) dan ‘Ata Ibrahim (2008), kritikan yang dijawab oleh al-Nawawi kebanyakannya adalah berkisar sekitar persoalan *ziyadah al-thiqah* iaitu tentang *pentarjihan* antara riwayat *marfu‘* dan *mursal* atau *mawsul* dan *mawquf*. Dalam konteks ini, pendirian beliau adalah mengambil pandangan mereka yang menerima secara mutlak *ziyadah al-thiqah*. Hal ini bertepatan dengan kenyataan beliau dalam *Muqaddimah Syarh Sahih Muslim* bahawa

*ziyadat al-thiqah maqbulah* lantaran ia adalah pandangan yang dipegang oleh majoriti *ahl al-hadith*, *ahl al-fiqh* dan *al-usul* (Al-Nawawi, 2001). Berikutan itu, al-Nawawi (2001) berpandangan bahawa sekiranya berlaku pertembungan antara riwayat *marfu'* dan *mursal* atau *mawsul* dan *mawquf*, maka pandangan yang lebih sahih adalah mentarjihkan riwayat *marfu'* dan *mawsul*, sekalipun perawi yang bercanggah dengan riwayat ini sama bilangannya atau lebih ramai dan lebih *ahfaz*. Penilaian demikian menurut al-Nawawi (2000) kerana *ziyadah al-thiqah* adalah diterima dan beliau menegaskan bahawa pendirian ini merupakan pegangan para *muhaqqiqun* dalam kalangan *ahl al-hadith* dan dipegang juga oleh *fuqaha'* dan *ashab al-usul* serta disahihkan oleh al-Khatib al-Baghdadi.

Apabila menimbang manhaj al-Nawawi dan al-Daraqutni terhadap isu *ziyadah al-thiqah*, ternyata ia adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Ini kerana al-Nawawi berpandangan bahawa ia diterima secara mutlak, sedangkan al-Daraqutni menilai elemen *ziyadah al-thiqah* berdasarkan indikasi *qarinah* yang terdapat pada hadith-hadith tersebut. Dalam erti kata lain, jenis periwayatan ini tidak diterima secara mutlak oleh al-Daraqutni dan juga tidak ditolak secara mutlak. Hal ini diakui oleh beberapa pengkaji seperti Kilani (2010) dan Judah (2011) melalui kajian mereka.

Oleh kerana manhaj al-Daraqutni tidak sama dengan al-Nawawi dalam isu ini, maka wajar untuk al-Nawawi tidak bersetuju dengan kritikan al-Daraqutni terhadap beberapa hadith dalam *al-Sahihayn*. Biarpun begitu, manhaj yang dipraktikkan oleh al-Daraqutni bukanlah kaedah yang lemah dan *fasid* sebagaimana yang didakwa oleh al-Nawawi. Malah realitinya, kaedah tersebut sebenarnya tidak asing dalam kalangan *ahl al-hadith* terutamanya dalam kalangan *mutaqaddimin*. Hal ini sebagaimana diisyaratkan oleh al-'Alla'i (m. 761 H) apabila beliau menyatakan bahawa para Imam *mutaqaddimin* seperti Yahya bin Sa'id al-Qattan, 'Abd al-Rahman bin Mahdi, 'Ali bin al-Madini, Ahmad bin Hanbal, Yahya bin Ma'in, al-Bukhari, Abu Hatim, Abu Zur'ah, Muslim, al-Nasa'i, al-Tirmidhi, al-Daraqutni dan al-Khalili menilai elemen *al-ziyadah* berdasarkan *tarjih* yang paling kuat di sisi mereka pada setiap hadith. Jelas al-'Alla'i lagi, kumpulan sarjana ini tidak menilai elemen *al-ziyadah* dengan cara pukal bagi semua hadith. Kaedah mereka inilah yang benar (Kamil, 1986). Seiring dengan dengan pandangan ini, Ibn Hajar (m. 852 H) (2000) turut menyatakan bahawa para Imam hadith *mutaqaddimin* seperti 'Abd al-Rahman bin Mahdi, Yahya al-

Qattan, Ahmad bin Hanbal, Yahya bin Ma‘in, ‘Ali bin al-Madini, al-Bukhari, Abu Zur‘ah, Abu Hatim, al-Nasa’i, al-Daraqutni dan selain mereka menilai elemen *al-ziyadah* berpandukan kepada *qarinah*. Tambah beliau lagi, tiada seorang pun dalam kalangan mereka menerima elemen ini secara mutlak. Memandangkan metode beliau dalam persoalan ini seiring dengan metode *ahl al-hadith mutaqqaddimin*, maka pengkaji merasakan bahawa kritikan al-Nawawi terhadap al-Daraqutni tidak sedikitpun mempengaruhi kredibiliti al-Daraqutni sebagai seorang tokoh dalam *‘ilal al-hadith*.

## **KESIMPULAN**

Penguasaan al-Daraqutni dalam disiplin ilmu hadith tidak boleh disangkal lagi. Malah boleh dirumuskan bahawa tahap penguasaan beliau tidak hanya berada pada peringkat dasar disiplin ini, bahkan sebenarnya telah sampai kepada kemuncaknya. Buktinya, salah satu daripada cabang ilmu hadith yang paling sukar iaitu *‘ilal al-hadith* telah berjaya dikuasai oleh beliau secara mapan dan holistik. Malah penguasaannya ini telah diakui oleh ramai para sarjana sama ada yang berada pada zamannya dan juga mereka yang datang selepas kewafatannya. Malah beberapa karyanya seperti *al-‘Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyah* dan *al-Sunan* turut membuktikan kepakaran beliau dalam cabang ilmu ini. Selain itu, kritikan yang dilemparkan kepadanya khususnya berkenaan metode *penta ‘ilal*nya turut tidak mengurangkan kredibilitinya dalam bidang ini lantaran metode tersebut turut dipraktikkan oleh sarjana hadith *mutaqqaddimin* dalam wacana kritikan hadith mereka.

## **PENGHARGAAN**

Pengkaji ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) khususnya sidang editorial *Journal of Contemporary Islamic Studies* yang diterajui oleh ketua editor termasuklah penilai makalah yang telah memberikan pandangan dan cadangan penambahbaikan terhadap manuskrip yang telah dihasilkan. Selain itu, ucapan penghargaan juga ditujukan kepada pihak Universiti Sains Malaysia atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak dilupakan juga semua pihak yang terlibat dalam usaha penerbitan makalah ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-‘Aziz, A. Q. H. (1988). *Al-imam al-Nawawi wa atharuh fi al-hadith wa ‘ulumih*. Unpublished Masters Dissertation. University of Umm al-Qura. Saudi Arabia.
- ‘Ata Ibrahim, A. H. (2008). *Al-sina‘ah al-hadithiyyah fi syarh al-Nawawi ‘ala sahih muslim*. Cairo: Maktabah Zahra’ al-Syarq.
- Al-A‘zami, M. D. R. (1995). *Dirasat fi al-jarh wa al-ta‘dil*. c. 1. Madinah: Maktabah al-Ghuraba’ Al-Athariyyah.
- Al-Daraqutni, A. H. A. (1986). *Al-mu‘talif wa al-mukhtalif*. Muwafaq A. A. Q. (Ed.). c. 1. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Daraqutni, A. H. A. (1985). *Al-Ilzamat wa al-tatabbu‘*. Muqbil H. W. (Ed.). Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Dhahabi, A. M. (1984). *Siyar ‘a‘lam al-nubala’*. Syu‘ayb A. & Akram B. (Eds.). Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Dhahabi, A. M. (1995). *Ma‘rifah al-qurra’ al-kibar ‘ala al-tabaqat wa al-a‘sar*. Tayyar Q. (Ed.). Istanbul: T.P.
- Al-Khatib, A. B. B. (2001). *Tarikh madinah al-salam wa akhbar muhaddithiha wa dhikr quttaniha al-‘ulama’ min ghayr ahliha wa waridiha*. Bassyar A. M. (Ed.). Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Nawawi, A. Z. (2001). *Sahih Muslim bi syarh al-Nawawi*. ‘Isam S. et.al. (Eds.). Cairo: Dar al-Hadith.
- Al-Nawawi, A. Z. (2008). *Al-talkhis syarh al-jami‘ al-sahih li al-Bukhari*. Nazar M. F. (Ed.). Riyadh: Dar al-Taybah.
- Al-Subki, T.D. (t.t.). *Tabaqat al-syafi‘iyyah al-kubra*. Mahmud M. T. & ‘Abd al-Fattah M. H. (Eds.). Halab: Dar Ihya’ al-Kutub al- ‘Arabiyyah.

- Al-Sulami, A. A. R. (1988). *Su'alat Abu 'Abd al-Rahman al-Sulami li al-Daraqutni*. Sulayman A. (Ed.). Riyadh: Dar al-'Ulum.
- Al-Zirikli, K. D. (2002). *Al-a'lam qamus tarajim li asyhar al-rijal wa al-nisa' min al-'arab wa al-mu'tarabin wa musytariqin*. Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Anonymous. (1984). *Su'alat Hamzah bin Yusuf al-Sahmi li al-Daraqutni wa ghayrihi min al-masyayikh fi al-jarh wa al-ta'dil*. Muwafaq A. A. Q. (Ed.). Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Damfu, A. M. (1999). *Marwiyyat al-imam al-Zuhri al-mu'allah fi kitab al-'ilal li al-Daraqutni*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Hajar, A. A. (t.t.). *Tabaqat al-mudallisin ta'rif ahl al-taqdis bi maratib al-mawsufin bi al-tadlis*. 'Asim A. (Ed.). Jordan: Maktabah al-Mannar.
- Ibn Hajar, A. A. (2000). *Syarh al-nukbah nuzhah al-nazar fi tawdih nukhbah al-fikar fi mustalah ahl al-athar*. Nur al-Din I. (Ed.). Damsyik: Matba'ah al-Sibah.
- Ibn Kathir, A. F. (1998). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. 'Abd Allah A. M. T. (ed.). c. 1. Jizah: Dar al-Hajr.
- Ibn Khallikan, S. D. (t.t.). *Wafayat al-a'yan wa anba' abna' al-zaman*. Ihsan A. (Ed.). Bayrut: Dar al-Sadir.
- Ibn Tahir, A. F. (1998). *Atraf al-ghara'ib wa al-afrad min hadith Rasulillah aallallah 'alayh wa aallam li al-imam al-Daraqutni*. Mahmud M. M. & Al-Sayyid Y. (Eds.). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Judah, Y. D. (2011). *Manhaj al-imam al-Daraqutni fi naqd al-hadith fi kitab al-'ilal*. Cairo: Dar a-Kutub al-Misriyyah.
- Kamil, S. R. (1986). *Tahqiq kitab nazm al-fara'id lima tadammahu hadith dhi al-yadayn min al-fawa'id li Khalil bin Kaykaladi al-'Alla'i*. Baghdad: Matba'ah al-Ummah.

Kilani, M. K. (2010). *Manhaj al-imam al-Daraqutni fi kitabih al-sunan wa atharihi fi ikhtilaf al-fuqaha'*. Cairo: Dar al-Muhaddithin.

